

# Hua Yang Berhad kekal misi asal sedia rumah mampu milik

**K**EBANYAKAN pemaju hartanah kini menumpu kepada projek perumahan mewah selain pembangunan di luar negara memandangkan permintaannya yang semakin meningkat, selain cara pantas untuk meraih keuntungan tinggi.

Namun, hakikatnya permintaan bagi projek mampu milik bagi pasaran golongan berpendapatan sederhana, terutama di lokasi strategik adalah cukup tinggi.

Menyedari hakikat itu, pemaju hartanah, Hua Yang Bhd meneruskan komitmen dan strateginya dengan menumpu kepada menyediakan perumahan mampu milik.

Hua Yang, pemaju hartanah yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia dan meraikan ulang tahun ke-30 tahun ini, setakat ini sudah memiliki projek yang disiapkan bernilai hampir RM1 bilion.

Syarikat itu membangunkan 8,900 unit projek kediaman, komersial dan perindustrian dengan harga yang munasabah di seluruh negara yang terletak di lokasi strategik sekitar Lembah Klang, Johor, Perak dan Seremban sejak 1978.

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang Bhd, Ho Wen Yen, berkata harga hartanah yang dibangunkan kumpulan masih kekal mampu dimiliki iaitu antara RM90,000 hingga RM380,000.

Katanya, menyediakan kediaman berkualiti pada harga yang berpatutan di lokasi strategik adalah men-

jadi kekuatan utama kumpulan sepanjang 30 tahun lalu.

"Pendekatan yang diambil itu tercetus daripada semangat kami menyediakan rumah mampu dimiliki kepada rakyat negara ini, yang juga menjadi sebab utama pengasas kumpulan ini, meniang Ho Kok Meng menubuhkan Hua Yang.

"Ini tidak akan berubah dan misi kami kekal untuk membantu orang ramai memiliki rumah sendiri kerana kediaman adalah keperluan asas," katanya.

Syarikat itu yang kini dikendalikan sepasukan pengurus dan individu berpengalaman dalam sektor hartanah menggunakan pendekatan kejuruteraan profesional serta pengurusan projek berkualiti untuk semua projek.

Antara contoh projek Hua Yang yang menerima sambutan baik adalah Symphony Heights Selayang yang baru dilancarkan baru-baru ini yang merangkumi 946 unit apartmen dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM180 juta.

Harga yang ditawarkan adalah antara RM135,200 hingga RM324,500 dan projek itu disasarkan kepada pemilik rumah kali pertama dan pasangan yang baru berkahwin.

Sehingga kini, Ho berkata,

**“Pendekatan yang diambil itu tercetus daripada semangat kami menyediakan rumah mampu dimiliki kepada rakyat negara ini, yang juga menjadi sebab utama pengasas kumpulan ini, meniang Ho Kok Meng menubuhkan Hua Yang”**

**Ho Wen Yen**

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang Bhd

20 peratus daripada projek berkenaan sudah dijual manakala 20 peratus lagi sudah ditempah.

Menuju ke depan, katanya, dalam tempoh lapan tahun akan datang, Hua Yang akan menumpu membangunkan projek bangunan kilang perindustrian kecil, komersial dan kediaman di pelbagai lokasi seluruh Malaysia bernilai sehingga RM1.1 bilion.

Ho menambah, satu daripadanya adalah projek pembangunan bercampur di tapak seluas tujuh hektar di Sungai Besi yang merangkumi pembangunan runcit,

komersial dan kediaman.

"Projek ini, yang bernilai RM700 juta adalah penanda aras bagi Hua Yang dan dijangka melonjakkan pertumbuhan syarikat ke peringkat seterusnya," katanya.

Antara projek lain Hua Yang setakat ini adalah lot rumah pejabat di Medan Selayang, Batu Caves dan SB Jaya Industrial Park Sungai Buloh di Selangor; perbandaran Taman Pulau Indah di Johor; perbandaran Bandar Universiti Seri Iskandar dan Metro Pengkalan Batu Gajah di Perak.



PROJEK Hua Yang di Sungai Besi.



PROJEK Symphony Heights Selayang dapat sambutan menggalakkan.